

**Siri Kajian dan Penulisan KPRU**

KATA PENGANTAR  
**Anwar Ibrahim**

# **Pendedahan di Parlimen**

**DASAR DAN CABARAN MALAYSIA**

DISUNTING OLEH  
**Ooi Heng**





PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

# Pendedahan di Parlimen



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

**Strategic Information and Research Development Centre (SIRD)** adalah sebuah badan penerbit bebas yang ditubuhkan pada Januari 2000 di Petaling Jaya, Malaysia. Penerbitan **SIRD** merangkumi pelbagai bidang pengajian ilmu seperti pengajian Malaysia dan Asia Tenggara, pengajian gender, sains sosial, politik, ekonomi dan hubungan antarabangsa. Buku terbitan kami juga sesuai untuk semua lapisan masyarakat khususnya komuniti ilmuan, pelajar, badan bukan kerajaan (NGO), pembuat polisi, dan masyarakat awam.

**SIRD** juga mengedarkan buku (melalui cabang organisasinya; **GB Gerakbudaya Enterprise Sdn Bhd**) terbitan cendekiawan dan institusi-institusi penerbitan, NGO-NGO, dan penerbit-penerbit bebas yang lain. Selain itu, kami juga menganjurkan seminar, forum dan diskusi berkumpulan. Kami percaya, semua ini adalah bermanfaat untuk pembangunan dan penggabungan gagasan pemikiran kebebasan awam dan demokrasi.


**Siri Kajian dan Penulisan KPRU**

# **Pendedahan di Parlimen**

## **DASAR DAN CABARAN MALAYSIA**

DISUNTING OLEH

**Ooi Heng**



SIRD



**KPRU**

Kajian Politik untuk Perubahan

PUSTAKA PERDANA



1009982



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

Hakcipta © 2012 Ooi Heng

Diterbitkan pada tahun 2012 oleh  
Strategic Information and Research Development Centre  
No 11, Lorong 11/4E, 46200 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.  
Email: sird@streamyx.com  
Website: www.gerakbudaya.com

Kajian Politik untuk Perubahan  
A-3-09, Merchant Square,  
No. 1, Jalan Tropicana Selatan 1, 47410 Petaling Jaya,  
Selangor, Malaysia.  
Email: kpru2010@gmail.com  
Website: www.kpru2010.wordpress.com

Hak cipta terpelihara. Tidak boleh menyalin apa jua kandungan buku ini dengan apa pun bentuk dan cara-elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada penerbit.

**Perpustakaan Negara Malaysia**                      **Cataloguing-in-Publication Data**

Pendedahan di Parlimen: dasar dan cabaran Malaysia / disunting oleh  
Ooi Heng (Siri kajian dan penulisan KPRU)  
ISBN 978-967-5832-69-7

1. Parliamentary practice–Malaysia.
2. Political culture–Malaysia.
3. Legislative bodies–Malaysia.
4. Malaysia–Politics and government

I. Ooi, Heng. II. Siri.  
328.595

Atur huruf dan reka bentuk kulit buku oleh Janice Cheong

Dicetak oleh Vinlin Press Sdn Bhd  
2, Jalan Meranti Permai 1,  
Meranti Permai Industrial Park,  
Batu 15, Jalan Puchong,  
47100 Puchong, Selangor, Malaysia.



328.595  
PEN

# KANDUNGAN

<i>Kata Pengantar</i>	vii
<i>Pendahuluan</i>	xv
<b>TADBIR URUS NEGARA DEMOKRATIK</b>	<b>1</b>
Tadbir Urus Dalam Konteks Kenegaraan	3
Belanjawan Negara Acuan Najibnomics Dan Mahathirisme	14
Hutang Kerajaan: Siapakah Lagi Cekap Mentadbir? Anwar Ibrahim Atau Najib Razak?	19
Pembentukan Rejim Kawalan Media Baharu Di Malaysia	33
Apabila Wang Rakyat Dipergunakan Untuk Propaganda Politik Atas Nama Negara	47
Apabila Syarikat Berorientasikan Keuntungan Terlibat Dalam Proses Saman Trafik	54
Tangan Ghaib Di Sebalik Institusi Polis Halalkan Budaya “Politik Samseng”?	69
Jangan Heret Tentera!	84
Iguan Institusi Tentera Di Bawah Kerajaan BN?	90
Kemelut Sektor Awam Dan Masa Depan	104

<b>MENGANGKAT DASAR KEPEDULIAN RAKYAT</b>	<b>115</b>
Media Baharu Sebagai Ruang Awam	117
Isu Pengajian Tinggi Dan Permasalahan “Logik PTPTN”	124
1Care Dan Realiti Sosioekonomi Masyarakat Malaysia	137
Isu Pekerja Asing Dan Permasalahan Program 6P	149
“Mengapa Masih Merah?” Bisikan Hati Golongan Masyarakat Yang Juga Cintakan Malaysia	161
Gaji Minimum: Persoalan Dan Isu Berbangkit (Bahagian I)	176
Gaji Minimum: Persoalan Dan Isu Berbangkit (Bahagian II)	189
Ke Arah Sistem Gabungan Dua Parti	201
<b>KHAYALAN TRANSFORMASI POLITIK (Bahasa Inggeris)</b>	<b>209</b>
The Auditor-General’s Report And Debt Management: Anwar Ibrahim Vs Najib Razak	211
Najib’s Illusory Transformation (I): Election Offences Amendment Bill 2012 – A Election Fraudster’s Charter	225
Najib’s Illusory Transformation (II): PSC Report On Electoral Reform – A Facile And Selective Solution	231
Najib’s Illusory Transformation (III): Violence Against Civilians – Political Transformation Turns The Clock Back	240
Najib’s Illusory Transformation (IV): Violence Against Journalists – One Step For Transformation, Two Steps For Arbitrary Power	249
Najib’s Illusory Transformation (V): Replacing ISA With SOSMA – Najib Moon Walking	2
Reinterpreting “Raja”	268

# KATA PENGANTAR

Dalam sistem demokrasi berparlimen, institusi Parlimen dijamin kedudukannya sebagai salah satu dari tiga tonggak utama selain bahagian eksekutif dan kehakiman. Maka kewajarannya adalah untuk memelihara kewibawaan sistem dengan peruntukan kuasa yang jelas; perjalanan dari sudut perbahasan dan penubuhan jawatankuasa secara bebas serta peruntukan dan bantuan sokongan sewajarnya.

Ternyata, sistem Parlimen Malaysia menuntut perubahan menyeluruh agar kembali kepada semangat Perlembagaan dan memantapkan kedudukan institusi tersebut. Kedudukan Yang Di-Pertua (YDP) Dewan Rakyat yang bebas dan berwibawa akan membantu memberi corak perjalanan Parlimen dengan lebih berkesan. Pengalaman mutakhir di Parlimen amat mengesankan kerana anggapan bahawa tindakan serta keputusan YDP yang bertentangan dengan semangat kebebasan Parlimen, malah boleh ditafsirkan sebagai memihak atau bertindak menurut arahan parti pemerintah. Di antara tindakan ketara adalah:

- i. Penggantungan ahli parlimen pembangkang termasuk ke atas saya tanpa memberi ruang membela diri;
- ii. Menolak sewenang-wenangnya usul tergepar menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 18 (1) untuk membahas isu-isu yang menyentuh kepentingan awam.

Pasca *tsunami* politik 2008 menyaksikan pelbagai perubahan dalam landskap politik negara sekaligus membuka dimensi baharu ke arah pembentukan sistem pemerintahan berasaskan konsep dua gabungan parti (*two-coalition system*) atau lebih dikenali sebagai konsep dua parti (*two-party system*). Perubahan ini turut memberi tempias terhadap kesedaran politik rakyat seterusnya menjana pelbagai bentuk

wacana berkaitan kebebasan, keadilan sosial, demokrasi, federalisme, keberdayaan ekonomi, tatakelola negara yang baik serta keberkesanan wakil-wakil rakyat di Parlimen.

Pakatan Rakyat – gabungan parti-parti pembangkang terbesar di Parlimen Malaysia yang dibentuk selepas Pilihan Raya Umum ke-12 (PRU-12) kini tampil dengan penuh wibawa dalam memacu wacana segar dan budaya perdebatan sihat di Dewan Rakyat. Manakala sebelum ini hampir 90 peratus kerusi ahli-ahli Dewan Rakyat diduduki oleh parti pemerintah, kini suasananya telah berubah; lebih dari satu pertiga keahlian dewan kini dibarisi oleh wakil-wakil dari Pakatan Rakyat.

Berbeza dengan sistem parlimen di India, Indonesia, United Kingdom dan Australia, ahli-ahli Parlimen di Malaysia tidak diperuntukkan dengan pegawai penyidik. Justeru, penubuhan Kajian Politik Untuk Perubahan (KPRU) sebagai sebuah pasukan penyelidikan yang digerakkan oleh saudara Ooi Heng dan sekumpulan anak-anak muda yang komited dalam membantu urusan penyelidikan dan penyediaan maklumat sebagai dukungan terhadap peranan wakil-wakil rakyat pembangkang sewajarnya dihargai dan dimanfaatkan sebaiknya. Komitmen mereka sememangnya bererti dalam memudahcara tugas serta tanggungjawab seseorang wakil Parlimen yang secara umumnya berperanan untuk menggubal undang-undang dan juga dasar yang melibatkan kepentingan rakyat dan negara.

Parlimen seharusnya menjadi “gelanggang” rasmi di mana segala bentuk perbincangan, perbahasan dan persetujuan melibatkan dasar negara termasuk aliran keluar masuk wang awam dikawal selia secara telus dan terbuka. Dalam erti kata lain, Parlimen bukan sekadar platform untuk perbahasan dasar-dasar yang berkait dengan kepentingan rakyat, bahkan seharusnya ia bersifat luwes yakni berupaya berperanan sebagai pemantau yang menjadi penimbang tara kepada ketelusan pentadbiran kerajaan yang memerintah.

Tatkala membandingkan keberkesanan dan daya saing perbahasan di Parlimen, pastinya Dewan Rakyat penggal ke-12 ini merupakan penggal terbaik yang menonjolkan iltizam politik serta kematangan hujah paling membanggakan di pihak pembangkang. Sebagai mantan anggota kabinet kerajaan selama hampir 16 tahun sehingga